

# PEMIKIRAN KEROHANIAN DALAM BABAK CERITA MAKYUNG BERDASARKAN TEORI SPB4K

ROSLAN ABDUL WAHID \*

NASIRIN ABDILLAH \*\*

roslanwahid71@gmail.com\* and nasirin@umk.edu.my\*\*

## Abstrak

Pemikiran merupakan operasi minda manusia yang dijana bagi memenuhi sesebuah aspirasi, tujuan dan matlamat serta menjawab persoalan-persoalan kehidupan. Dalam aspek insaniah, pemikiran kerohanian ialah sebuah pemikiran yang berkaitan dengan pemikiran keesaan Tuhan, keagamaan, kepercayaan, ketauhidan, keluhuran yang menjurus kepada kemuliaan peribadi. Pengzahiran sebuah pemikiran kerohanian dan nilai insaniah dijemakan secara fizikal dalam bentuk moral dan ketamadunan manusia. Objektif utama kajian ini adalah mengenal pasti dan menganalisis kandungan isu-isu yang dicetuskan melalui peristiwa dalam babak cerita pilihan tersebut. Penceritaan dalam babak-babak cerita Makyung ini dianalisis dan dijadikan bahan kandungan kajian yang menampilkan isu-isu kerohanian dengan menggunakan Teori SPB4K. Kajian ini turut dibataskan terhadap cerita-cerita seperti '*Anak Raja Gondang*', '*Eneng Tajali*', '*Raja Besar Ho Gading*' dan '*Dewa Indera Indera Dewa*'. Pengkaji menggunakan elemen pemikiran kerohanian yang terdapat di dalam Teori Sistem Pemikiran Bersepadu 4K (SPB4K) untuk menganalisis isu dan cetusan peristiwa kerohanian yang terkandung dalam cerita-cerita tersebut. Kajian ini dijalankan secara analisis tekstual melalui kaedah kualitatif berdasarkan isi kandungan buku '*Anak Raja Gondang dan Lain-lain Cerita Makyung*'. Segala isu dan cetusan peristiwa berbentuk kerohanian dalam cerita-cerita pilihan Makyung ini dijadikan sebagai bahan analisis dengan pengaplikasian Teori SPB4K. Pengkaji mendapati pemikiran kerohanian terdapat dalam isi kandungan babak-babak cerita Makyung yang mengandungi unsur keluhuran seperti ilmu tauhid, usuluddin dan fekah yang bermanfaat. Di samping itu, kajian ini juga menjemput khalayak pembaca menghayati isi kandungan babak sesebuah cerita Makyung yang dipersembahkan dan tidak hanya tertumpu kepada seni estetika persembahan dan tarian Makyung semata-mata.

**Kata Kunci:** Pemikiran Kerohanian, Teori SPB4K, Cerita Makyung, Isu dan peristiwa

Dihantar : 27 Ogos 2021

Disemak : 1 Jun 2021

Diterbit : 31 Mac 2022

---

\* Pelajar Pascasiswazah di Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan, Malaysia

\*\* Pensyarah Kanan di Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan, Malaysia



# SPIRITUAL THINKING IN MAKYUNG STORY SCENES BASED ON SPB4K THEORY

ROSLAN ABDUL WAHID \*

NASIRIN ABDILLAH \*\*

roslanwahid71@gmail.com\* and nasirin@umk.edu.my\*\*

## Abstract

*Thought is an operation of the human mind that is generated to fulfil an aspiration, purpose, and goal and answer the questions of life. From the humanitarian aspect, spiritual thinking is a thought that is related to the oneness of God, religion, belief, and nobility that leads to personal prestige. The manifestation of spiritual thought and humanistic values is physically embodied in the form of human morals and civilization. The main objective of this study is to identify and analyze the issues raised through the incidents in the selected story scenes. The narration of the scenes in Makyung's story has been analyzed and used as research content that represents the spiritual issues by using SPB4K Theory. This study was confined with stories like 'Anak Raja Gondang ', ' Eneng Tajali ', ' Raja Besar Ho Gading 'and 'Dewa Indera Indera Dewa '. The researcher uses the elements of spiritual thinking found in SPB4K Theory to analyze the issues and triggered spiritual incidents found in the stories. The researcher uses the elements of spiritual thinking found in SPB4K Theory to analyze the issues and triggers of spiritual events in the stories. This study was analyzed using textual analysis based on the book 'Anak Raja Gondang and Other Makyung Stories'. All issues and triggers of spiritual events in selective Makyung's stories were used as material analysis through the application of SPB4K Theory. Researchers discovered that spiritual thinking was found in Makyung's story, which contains elements of nobility such as monotheism, usuluddin and beneficial jurisprudence. In addition, this study also invites the readers to appreciate the scenes of a Makyung story that is presented and not just focus on the aesthetic art of Makyung performance and dance alone.*

**Keywords:** *Spiritual Thought, SPB4K Theory, Makyung Stories, Issues and events*

Submitted : 27 August 2021

Revised : 1 June 2021

Published : 31 March 2022

---

\* Postgraduate Student at the Faculty of Creative Technology and Heritage, Universiti Malaysia Kelantan, Malaysia.

\*\* Senior Lecturer at the Faculty of Creative Technology and Heritage, Universiti Malaysia Kelantan, Malaysia.



## 1.0 Pengenalan

Pemikiran merupakan satu prinsip yang mengandungi peraturan-peraturan yang menjadi falsafah, dasar dan landasan sesebuah sastera Melayu terhadap masyarakat yang mendukungnya. Prinsip ini dijadikan pengukuran dan penilaian terhadap segala perlakuan dan tingkah laku masyarakat. Mohd Yusof Hasan (2007:1) menyatakan pemikiran adalah kegiatan dan proses penggunaan akal manusia untuk berbagai-bagai tujuan dalam kehidupannya. Pemikiran mengikut *Kamus Dewan* Edisi Keempat (2016:411) didefinisikan sebagai perihal berfikir (memikir) manakala kerohanian dalam *Kamus Dewan* Edisi Keempat (2016:1339) menyatakan akan perihal rohani. Mohd Yusof Hasan (2007:35) pemikiran kerohanian merupakan pemikiran yang suci murni, tinggi darjatnya kudus sifatnya dan syahdu martabatnya. Pemikiran ini menggambarkan falsafah dan kepercayaan manusia. Pemikiran kerohanian merupakan pemikiran yang berunsurkan keimanan dan keagamaan yang memandu manusia ke arah kemenjadian insan soleh atau solehah. Mohd Yusof Hasan(2007:35) Pemikiran kerohanian merupakan pemikiran suci berdasarkan kepada keimanan, ketauhidan, dan kepercayaan manusia kepada yang maha Esa. Pemikiran Kerohanian amat sinonim dengan pemikiran luhur dalam agama Islam melibatkan komunikasi manusia sebagai hamba Allah secara terus dengan Allah serta hubungan manusia dengan manusia dan alam. Dalam Al-Quran, telah pun termaktub tentang pemikiran luhur ini yang melibatkan rukun iman, rukun Islam, aspek kehidupan berpolitik, ekonomi, sosial, dan sebagainya (Mohd. Yusof Hasan, 2000:35). Berdasarkan konsep Pemikiran Kerohanian, setiap manusia haruslah memikirkan hal-hal berkaitan kejiwaan, keagamaan, kerohanian, soal dalaman berasaskan kepada ajaran kepercayaan agama. Dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan pembangunan potensi dan insaniah individu adalah menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan.

Cerita-cerita pilihan Makyung yang dimaksudkan adalah cerita-cerita berdasarkan penghasilan skrip cerita oleh Allahyarham Saari Abdullah yang telah dibukukan oleh Jabatan Kebudayaan dan Keseniaan Negara, Kementerian Kebudayaan, Keseniaan dan Warisan Malaysia yang bertajuk "*Anak Raja Gondang dan Lain-lain Cerita Makyung*" Buku ini menampilkan empat cerita pilihan iaitu '*Anak Raja Gondang*', '*Eneng Tajali*', '*Raja Besar Ho Gading*' dan '*Dewa Indera Indera Dewa*'. Pengkaji menganalisis isi kandungan cerita-cerita tersebut dengan mengenal pasti elemen pemikiran kerohanian dan menganalisis nilai-nilai pemikiran kerohanian tersebut dengan menggunakan Teori Sistem Pemikiran Bersepadu 4K (SPB4K).

4K dalam Teori SPB4K adalah merujuk kepada empat pemikiran dalam teori tersebut iaitu pemikiran kerohanian, kebitaraan, kesaintifikan dan kekreatifan. Teori SPB4K merupakan sebuah teori dan pendekatan pendidikan pemikiran. Pemikiran adalah kegiatan memproses akaliah manusia untuk mengaplikasikan pelbagai tujuan dalam kehidupan. Teori SPB4K dari segi sifatnya mempunyai persamaan dengan Teori Psikoanalisis Klasik yang digarap oleh Sigmund Freud yang menyelongkar elemen operasi minda manusia dalam perilaku bawah sedar serta tindak tanduk manusia secara sedar. Teori SPB4K bertunjangkan kepada kesepaduan empat falsafah pemikiran. Walaubagaimanapun dalam kajian ini, pengkaji hanya memfokuskan kepada pemikiran kerohanian sahaja yang merupakan sebahagian daripada empat falsafah pemikiran dalam Teori SPB4K tersebut.



## 2.0 Fokus, Isu dan Permasalahan Kajian

Dalam kajian ini aspek pemikiran kerohanian difokuskan terhadap cerita-cerita pilihan Makyung berdasarkan aplikasi dalam Teori SPB4K. Pengkaji telah menelusuri empat cerita Makyung iaitu 'Anak Raja Gondang', 'Eneng Tajali', 'Raja Besar Ho Gading' dan 'Dewa Indera Indera Dewa'. Setiap ujaran dalam penceritaan yang berbentuk kerohanian telah dikenal pasti dan dianalisis menggunakan Teori SPB4K.

Setiap persembahan hasil seni seperti drama atau teater memerlukan penghayatan dan penghargaan yang sewajarnya daripada khalayak pencinta seni dan yang paling utama pemilik hakiki seni persembahan tersebut. Persembahan dramatari Makyung kini dikatakan tidak mendapat tempat malah semakin hambar serta tidak diminati apatah lagi dihargai oleh generasi alaf baharu kini. Fenomena ini terjadi kerana kurangnya kajian berkaitan Makyung yang membicarakan tentang penghayatan isi dan mesej yang hendak disampaikan dalam kandungan cerita Makyung. Selama ini, khalayak hanya menghayati persembahan Makyung berdasarkan alunan gendang dan gesekan rebab serta melihat lenggok tari penari semata-mata. Penghayatan akan mesej dan pengajaran dalam kandungan cerita Makyung wajar diketengahkan agar menjadi salah satu medium penerapan nilai-nilai kemanusiaan kepada khalayak. Elemen pemikiran kerohanian yang terkandung dalam cerita Makyung diharapkan dapat memberikan kefahaman dan impak kepada pembaca dalam menghayati mesej di sebalik ujaran yang dicetuskan melalui isu dan peristiwa kerohanian dalam cerita-cerita pilihan Makyung. Beberapa persoalan kajian seperti:

Adakah terdapat isu atau peristiwa berbentuk kerohanian menerusi penceritaan dalam babak-babak cerita pilihan Makyung?

Bagaimanakah Teori SPB4K dapat digunakan untuk menganalisis isu atau peristiwa berunsur kerohanian yang dicetuskan dalam cerita pilihan Makyung?

Untuk itu terdapat dua objektif kajian yang ingin dicapai dalam kajian iaitu bagi mengenalpasti penceritaan berbentuk kerohanian berdasarkan isu atau peristiwa yang terdapat dalam cerita pilihan Makyung dan menganalisis setiap penceritaan berbentuk kerohanian berdasarkan isu atau peristiwa yang dicetuskan dalam cerita pilihan Makyung.

## 3.0 Sorotan Literatur

Kajian yang dijalankan oleh Habsah Mohd Noordin (1999) dari Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya bertajuk '*Makyung Kelantan: Satu Kajian Estetika Seni dalam persembahan seni teater Makyung*'. Pengkaji menggunakan Teori Estetika seni untuk membedah siasat elemen-elemen estetika yang terdapat di dalam seni persembahan Makyung. Pengkaji menumpukan kajiannya dalam aspek persembahan, bentuk (rupa Makyung) dan isi (jiwa Makyung). Keindahan dan semantikanya Makyung telah dapat ditonjolkan yang merupakan manifestasi kehidupan masyarakat yang mendokong kesenian ini.



Penyelongkaran terhadap kajian estetika telah dapat memberikan pendedahan, kefahaman, dan menjadi pedoman kepada khalayak pembaca terutama sekali generasi alaf baharu kini untuk sama-sama menghargai dan menghayati keindahan dan keunikan persembahan Makyung yang pada hakikatnya tiada di bumi lain melainkan di Kelantan, Malaysia.

Seterusnya tinjauan terhadap sebuah buku ilmiah terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka yang dikarang di dalam bahasa Inggeris bertajuk '*Makyung : Perspectives on Malaysia's Traditional Theatre*' hasil susunan beberapa editor iaitu A.S Hardy Shafii, Jason Tye Kong-Chiang dan Shanti Balraj Baboo (2015). Buku ini diterbitkan oleh DBP adalah bertujuan untuk dijadikan bahan rujukan dan diharapkan dapat memberikan pengetahuan kepada pelajar dan khalayak peminat budaya khususnya untuk membaca ,mendalami membuat rujukan tentang seni persembahan Makyung.Perbincangan dan pembicaraan tentang Makyung di dalam buku ini dibahagikan kepada 11 bab . Bab yang pertama oleh A.S Hardy Shafii (2015) mengupas berkaitan dengan '*The Historical Journey Of Makyung*'. Bab yang kedua membicarakan tentang '*The Performance Of Makyung Theatre*'. Dalam bab yang ketiga Jumilah Md.Tahir mengupas tajuk '*Dramatisation Of The Peran In Makyung*' Bab yang keempat oleh Mohd Kipli Abdul Rahman yang mengulas dalam '*Aspects Of Space In Makyung Performance*'. Bab yang kelima pula digarap oleh Johan Awang Abdullah dengan tajuknya '*Music In Makyung : Selected Standardised Songs*'. Seterusnya A.S Hardi Shafii (2015) membicarakan tajuk '*Staging The Commercial Makyung Adapting To Changing Times And Practices*' dalam bab yang keenam. Bab yang seterusnya oleh Shanti Belraj Baboo (2015) yang menulis berkaitan dengan tajuk '*Confronting Makyung in Changing Context – Views From Cultural Leaders and Artistes*'. Menerusi bab lapan pula Juliana Ismail @ Kamal mengupas tajuk '*3D Makyung Character Design In Malay Performing Arts*' Sumetha Nagalingam pula mengupas tajuk '*Constructing Online WEB for Promoting Makyung*' manakala Shanti Balraj dan Mohammed Zin Nordin bergabung minda mengulas tajuk '*Heritage Awareness Of Makyung In Malaysia*' dan dalam bab yang terakhir sekali menerusi buku '*Makyung : Perspectives on Malaysia's Traditional Theatre*' telah ditulis oleh Jason Tye Kong- Chiang (2015) yang mengutarakan dan mengupas tajuk '*Sustaining Makyung Beyond The Millennium : The Continuity Of An Oral Tradition*'. Kesemua tajuk-tajuk yang dinyatakan di atas telah dikupas dan diperbincangkan dengan secara terperinci oleh para pengkaji-pengkaji tersebut.

Kajian yang dijalankan oleh Ani Hj.Omar (2011) di dalam artikel yang bertajuk '*Puisi-puisi Muhammad Haji Salleh: Aplikasi Terhadap Teori SPB4K*' ialah satu artikel ilmiah Kesusasteraan Melayu yang diterbitkan oleh Emeritus Publications pada tahun 2011 dalam buku yang bertajuk '*Apresiasi Teori Kesusasteraan Melayu*'. Kajian ini membicarakan tentang Kesusasteraan Melayu dalam konteks perbincangan karya-karya puisi Melayu moden Muhammad Haji Salleh dan dihubungkan dengan Teori Sistem Pemikiran Bersepadu 4K yang mempunyai empat unsur pemikiran iaitu Pemikiran Kerohaniaan, Kebitaraan, Kesaintifikan dan Kekreatifan. Menurut Ani Hj.Omar (2011:337) kajian awal mendapati puisi-puisi Muhammad Haji Salleh mempunyai keempat-empat jenis pemikiran ini secara bersepadu, *integrated*, menyeluruh dan holistik. Dengan kata lain, Muhammad Haji Salleh memperkatakan persoalan-persoalan yang berlaku di mana-mana dalam dunia ini, khususnya persoalan diri manusia dari perspektif penyair seperti falsafah hidup, kebudayaan, jati diri, bahasa, nasionalisme, patriotisme, kemasyarakatan, kemanusiaan, pendidikan, kesenian, perekonomian serta kemiskinan.



Tinjauan literatur selanjutnya masih merujuk penulisan oleh Ani Hj.Omar (2011) di dalam artikel yang bertajuk '*Persoalan dan Pemikiran Tamadun Melayu-China dalam novel Air Mata Bonda*' hasil karya Soo Cham dari Perspektif Teori SPB4K ialah satu artikel ilmiah Kesusasteraan Melayu yang diterbitkan oleh Emeritus Publications pada tahun 2011 dalam buku yang bertajuk '*Apresiasi Teori Kesusasteraan Melayu*'. Kajian ini membicarakan tentang Kesusasteraan Melayu dalam konteks cerminan sesuatu bangsa dan masyarakat yang meliputi keseluruhan cara dan gaya hidup manusia khususnya orang Melayu dan Cina. Menurut Ani Hj.Omar (2011:279) Persoalan yang timbul dalam novel adalah benar-benar bermakna dan penting yang dapat mengubah pendirian serta sikap. Fokus persoalan adalah bersandarkan kepada pandangan hidup dan pemikiran watak.Begitu juga dengan pergolakan peristiwa dan permasalahan yang timbul dalam penceritaan berdasarkan plot cerita. Nilai budaya dalam masyarakat Melayu adalah merupakan suatu warisan yang luhur dan seharusnya dipelihara. Berdasarkan analisis pengkaji, Ani Hj.Omar (2011) terhadap novel '*Air Mata Bonda*' karya Soo Cham mempunyai keempat-empat unsur pemikiran iaitu Pemikiran Kerohanian(luhur), Pemikiran Kebitaraan (lahir), Pemikiran Kesaintifikan (logik) dan Pemikiran Kekreatifan dan Inovasi (lateral) khususnya. Ani Hj.Omar (2011:279) keempat-empat unsur pemikiran tersebut terserlah apabila merungkai makna ketamadunan dua bangsa iaitu bangsa Melayu dan Cina dalam novel '*Air Mata Bonda*' Abdullah Hasan dan Ainon Mohd (2001:1) menyatakan (*thinking*) mula dikaji sejak zaman Plato dan Aristotle. Ciri yang membezakan antara manusia dan haiwan ialah rasionaliti dalam berfikir ataupun keupayaan berfikir.

Seterusnya merupakan kajian oleh Mahaletchimi A/P Balakrishnan (2011) yang berjudul '*Pemikiran Bersepadu 4K dalam Prosa Melayu Tradisional KOMSAS*' dari Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris yang dikemukakan bagi ijazah kedoktoran falsafah Kesusasteraan Melayu. Beliau membicarakan berkenaan unsur-unsur dan nilai-nilai murni dalam petikan prosa Melayu tradisional KOMSAS , iaitu '*Antologi Sehijau Warna Daun*' (tingkatan satu), '*Antologi Seuntai Kata Untuk Dirasa*' (tingkatan dua) , '*Antologi Anak Bumi Tercinta*' (tingkatan tiga), '*Antologi Anak Laut*' (tingkatan 4) dan '*Antologi Kerusi*' (tingkatan lima) yang berjumlah 20 petikan dengan menggunakan perspektif Teori SPB4K. Beliau mendasari serta mengkaji setiap antologi yang terkandung di dalamnya Prosa Melayu Tradisional yang dilihat mampu menjana pemikiran-pemikiran pembaca untuk membuat pertimbangan, perhitungan, penelitian, pendapat dan berupaya menggunakan akal fikiran dalam menyelesaikan sesuatu masalah. Selain itu, beliau juga menunjukkan adanya gagasan pemikiran bersepadu antara keempat-empat pemikiran kerohanian (luhur),kebitaraan (lahir), kesaintifikan (logik) dan kekreatifan (lateral) dalam Teori SBP4K. Malah, petikan prosa Melayu tradisional juga dilihat mampu menyemai nilai-nilai murni menerusi empat pemikiran yang disepadukan dan penemuan ciri-ciri insan berakhlak dan berperibadi mulia.

Tinjauan kajian lepas seterusnya menampilkan kajian ilmiah yang dijalankan oleh Siti Emy Nurshafiera Mohd Safian (2013) Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) yang mana kajian beliau yang bertajuk '*Penulisan Kreatif dapat Menjana Minda dan Pendapatan Masyarakat*'. Menerusi tesis ini, kajian berkenaan fungsi dan peranan dijalankan oleh pengkaji adalah bagi menilai sejauh mana penulisan kreatif ini dapat menjana minda dan pendapatan masyarakat. Kajian ini menggunakan Teori Sistem Pemikiran Bersepadu 4K (SPB4K) yang diperkenalkan oleh Mohd Yusof Hasan berteraskan kesepaduan falsafah empat modul pemikiran iaitu pemikiran kerohanian, kebitaraan, kesaintifikan dan kekreatifan. Walaupun sarjana pengkaji



telah menggunakan Teori SPB4K dalam membuat kajian namun ini berfokus kepada fungsi dan peranan dijalankan oleh pengkaji adalah bagi menilai sejauh mana penulisan kreatif ini dapat menjana minda dan pendapatan masyarakat. Masih tiada penyelidik yang mengkaji pemikiran berdasarkan pengucapan lisan (sastera lisan) dalam bentuk skrip cerita pilihan yang akan dikaji akan disentuh oleh penyelidik melalui tesis ini

Berdasarkan sorotan kajian lepas yang dibincangkan di atas, jelas menunjukkan perlunya penonjolan dan penekanan elemen kerohanian dalam menghayati sesuatu hasil nukilan sesebuah genre sastera bagi tujuan penerapan nilai-nilai murni kemanusiaan kepada audien pembaca dan para peminat seni tradisional tanahair. Menerusi kajian ini, pengkaji ingin mengengahkan bagaimana elemen pemikiran kerohanian dapat dicungkil keluar daripada cerita-cerita pilihan Makyung.

#### 4.0 Metodologi Kajian

Kajian ini dijalankan secara analisis tekstual melalui kaedah kualitatif berdasarkan isi kandungan buku '*Anak Raja Gondang dan Lain-lain Cerita Makyung*'. Segala isu dan cetusan peristiwa berbentuk kerohanian dalam cerita-cerita pilihan Makyung ini dijadikan sebagai bahan analisis dengan pengaplikasian Teori SPB4K. Empat cerita Makyung terpilih dalam teks tersebut ialah '*Anak Raja Gondang*', '*Eneng Tajali*', '*Raja Besar Ho Gading*' dan '*Dewa Indera, Indera Dewa*'.

#### 5.0 Dapatan dan Perbincangan

Pengkajian berkaitan dengan pemikiran kerohanian dalam cerita-cerita pilihan Makyung dijalankan dengan menganalisis kandungan dan mendalami mesej-mesej kerohanian dalam empat cerita pilihan Makyung iaitu :-

- i) Cerita '*Anak Raja Gondang*'
- ii) Cerita '*Eneng Tejali*'
- iii) Cerita '*Raja Besar Ho Gading*'
- iv) Cerita '*Dewa Indera Indera Dewa*'

Setiap penceritaan yang bercirikan kerohanian dalam setiap karya cerita Makyung dianalisis oleh pengkaji dengan menggunakan Teori Sistem Pemikiran Bersepadu 4K (SPB4K). Berdasarkan cerita pilihan pertama menerusi buku '*Anak Raja Gondang dan Lain-lain Cerita Makyung*' pengkaji telah menganalisis pemikiran kerohanian dalam cerita '*Anak Raja Gondang*' (*Batak Halimunan*).

##### 5.1 Cerita Pilihan Pertama – ANAK RAJA GONDANG (*Batak Halimunan*)

Pemikiran kerohanian dalam cerita pilihan 1 '*Anak Raja Gondang*' menerusi babak 5 menampilkan isu dan peristiwa berkaitan memohon izin sebelum melakukan sesuatu.





RAJA BESAR

*Aaaa....aw...Sungguhlah anakanda ...kalu begitu, apa sebab dan tujuan anakanda masuk mengadap?*

PUTERI SULUNG

*Aaaaa....aw...hok ni begini ayahanda , diri anakanda antara keramai mengadap ayahanda kerana nak minta izin dari ayahanda nak pergi kolam Taman Banjaran Sari, nak mandi bersiram serta mengutip bunga-bunga, ayahanda.*

RAJA BESAR

*Aaaaa..aw...sungguh juga anakanda kalau begitulah hajat diri anakanda masuk mengadap ayahanda gakayahanda izinkan . Tapi jagalah diri anakanda baik-baik sebab diri anakanda ini menjadi tunangan orang.*

Transkripsi:

*(Aaaa.. aw...jika benar anakanda..begitu, Apa tujuan anakanada datang masuk mengadap )*

*(Aaaaa...aw...begini ayahanda, anakanda antara yang ingin mengadap ayahanda kerana inigin meminta izin daripada ayahanda untuk mandi di kolam Taman Banjaran Sari sambil mengutip bunga-bunga)*

*(Aaaa...aw...jika benar hajat anakanda maka ayahanda izinkan tapi jagalah diri sebaiknya kerana anakanda kini tunangan orang)*

(Saari Abdullah,2005:14)

Berdasarkan teks di atas, nilai kemanusiaan dapat dikesan menerusi pemikiran kerohanian yang dibicarakan dalam cerita 'Anak Raja Gondang' babak 5 menampilkan isu memohon izin sebelum melakukan sesuatu. Perbincangan dikatakan menjurus kepada pemikiran kerohanian terbukti dalam dialog antara Raja Besar dan Puteri Sulung. Puteri Sulung berusaha mengadap ayahandanya dan memohon restu untuk bersiar-siar di tepi kolam sekitar Taman Banjaran Sari menggambarkan betapa tinggi akhlak dan terpuji dan seharusnya di buat dan dicontohi oleh anak-anak yang lain sungguhpun hanya ingin bermain-main di sekitar istana sahaja. Betapa sifat hormat dan kasih kepada ayahanda jelas dicerminkan oleh Tuan Puteri Sulung dengan meletakkan izin dan restu ayahanda terlebih dahulu sebelum memulakan atau melakukan sesuatu pekerjaan. Selain itu, Raja Besar juga dengan penuh rasa kasih membenarkan dan menasihatkan puterinya menjaga diri sebaik mungkin kerana puterinya itu kini sudah menjadi tunangan orang. Elemen dan pemikiran kerohanian jelas terserlah dalam diri Raja Besar yang amat mengambil berat tentang keadaan Puteri Sulungnya.

Keseluruhannya, dalam teks 'Anak Raja Gondang' halaman 14 dalam babak 5 yang memuatkan ujaran antara Raja Besar dan Puteri Sulung berkaitan dengan isu memohon izin sebelum melakukan sesuatu. Saari Abdullah jelas memaparkan nilai-nilai





kemanusiaan seperti memohon izin daripada ibu bapa sebelum melakukan sesuatu sebagai satu amalan murni tercetus daripada pemikiran kerohanian terpuji dan jelas mencerminkan sikap hormat dan taat seorang anak terhadap ibu bapa sebelum melakukan sesuatu niat, pekerjaan atau tugas dalam kehidupan seharian.

Pemikiran kerohanian seterusnya dalam cerita pilihan 1 '*Anak Raja Gondang*' menerusi babak 6 menampilkan isu dan peristiwa berkaitan dengan berterus terang serta jujur.

BATAK

*Begitu adik-adik ini sungguh come sangat paras rupa. Parasnya pertama kali abe kelih berasa sudah jatuh hati dan cinta pulaknya. Adik ini sudahkah ada yang punya , adik?*

BATAK

*Adik sudikah kalu diri abe nok ke adik ?*

PUTERI BONGSU

*Tapi, diri adik sudah menjadi tunangan orghe...abe.*

Transkripsi:

*(Begitu adik. Adik ini sangat cantik rupa paras. Pertama kali terpandang terasa sudah jatuh cinta. Adik ini sudah berpunya?)*

*(Adik sudikah adik menerima abang jika abang menaruh hati terhadap adik...)*

*(tapi diri adik ini sudah menjadi tubangan orang)*

(Saari Abdullah,2005:17)

Berdasarkan contoh daripada teks di atas, terdapat nilai kemanusiaan dikesan menerusi pemikiran kerohanian dalam cerita '*Anak Raja Gondang*' dalam babak 6 yang menonjolkan sifat terpuji suka berterus-terang dan jujur dalam setiap perlakuan dan perbuatan. Pemikiran kerohanian difokuskan menerusi ungkapan dialog antara Batak dan Puteri Bongsu. Watak Batak di dalam dialognya terhadap Puteri Bongsu jelas memperlihatkan betapa Batak seorang yang suka berterus-terang tidak berselindung untuk menyatakan hasrat dan haknya. Batak terus-terang tanpa berselindung memuji kecantikan rupa paras Puteri Bongsu. Batak juga tanpa segan silu bertanya adakah Tuan Puteri Bongsu sudah berpunya dan sudikah kiranya menjadi kekasihnya. Perlakuan sifat dan perwatakan Batak dalam cerita ini memperlihatkan pengaruh pemikiran kerohanian terhadap watak Batak memandangkan Batak sesungguhnya ikhlas dan berani menyampaikan hasratnya. Pemikiran kerohanian juga jelas terkandung dalam diri Puteri Bongsu apabila Tuan Puteri Bongsu juga secara rohani di hatinya bersikap jujur dengan berterus-terang bahawasanya dia sudah menjadi tunangan orang. Kejujuran dan keikhlasan hati kedua-dua watak ini jelas mencerminkan keimanan dan ketakwaan yang tinggi dalam diri mereka.



Konklusinya, berdasarkan teks 'Anak Raja Gondang' halaman 17 dalam babak 6 yang memaparkan pengujaran antara watak Batak dengan Puteri Bongsu berkaitan dengan aplikasi sifat terpuji watak kerana berterus-terang dan jujur dalam segala hal . Penulis ingin mengingatkan para pendengar dan pembaca supaya sentiasa memiliki nilai-nilai kemanusiaan dengan menggariskan cetusan pemikiran kerohanian terhadap tindakan manusia agar sentiasa berterus-terang serta jujur dalam persahabatan dan perhubungan sesama manusia.

Seterusnya berdasarkan himpunan cerita 'Anak Raja Gondang dan Lain-lain Cerita Makyung' menerusi teks 1 (Babak 6). Pemikiran kerohanian terus diterapkan oleh Saari Abdullah dan jelas terdapat dalam babak 6.

Pemikiran kerohanian seterusnya dalam cerita pilihan 1 'Anak Raja Gondang' menerusi babak 6 menampilkan isu dan peristiwa berkaitan dengan mengingati realiti status diri.

PUTERI BONGSU

*Silalah ambik pakaian ni Kak Wan.*

PUTERI SULUNG

*Ni, adik ! Ambik ambik pakaian mano ni? Sudah tentu adik ambik dari pencuri tu. Kak Wan nok kelik ghoyak ko ayahanda yang adik ada dok ngurat dengan orghe jate...*

INANG TUA

*Ingat Mok cik , Mok Cik tu tunangan orghe. Tahu ke ayahanda tuanku , tentu kena marah.*

PUTERI BONGSU

*Kecek banyak mu Inang , nanti ambo tak bui pakaian ni.*

Transkripsi:

*(Sila ambil pakaian ini Kak Wan)*

*(Adik ! Ambil dari mana pakaian ini? Ini mesti ambil daripada pencuri tu. Kak Wan nak balik beritahu kepada ayahanda bahawa adik ada mengurat dengan orang lelaki lain)*

*(Ingat Mok Cik, Mok Cik itu tunangan orang. Nanti ayahanda tuanku tahu mesti kena marah )*

*( Cakap banyak Inang ni, nantikan saya tak beri pakaian ini )*

(Saari Abdullah,2005:18)

Merujuk kepada petikan teks di atas, nilai kemanusiaan telah dapat dikesan menerusi pemikiran kerohanian dalam cerita 'Anak Raja Gondang' dalam babak 6 yang memaparkan isu mengingatkan realiti status diri. Fokus bicara kepada pemikiran kerohanian menerusi ungkapan dialog antara Puteri Bongsu, Puteri Sulung dan Inang



Tua di dalam ujaran dialognya terhadap Puteri Bongsu jelas memperlihatkan betapa Puteri Bongsu diingatkan agar berkelakuan baik kerana Puteri Bongsu kini adalah tunangan orang. Puteri Sulung mengugut Puteri Bongsu akan memberitahu perihal ini kepada ayahanda. Selain itu, Inang Tua juga cuba menyedarkan Puteri Bongsu yang dirinya sekarang adalah tunangan orang maka adalah tidak wajar dia bercakap atau ada hubungan dengan lelaki lain. Watak Puteri Sulung dan Inang Tua jelas mencerminkan betapa murninya hati nurani mereka terhadap Puteri Bongsu dengan sentiasa mengingatkan Puteri Bongsu jika melakukan sesuatu melanggar realiti status diri. Sikap mereka ini jelas berpaksikan pemikiran kerohanian demi menjaga kemaslahatan perhubungan Puteri Bongsu dengan tunangnya.

Kesimpulannya, berdasarkan teks 'Anak Raja Gondang' halaman 18 dalam babak 6 yang memuatkan dialog antara watak Batak dengan Puteri Bongsu berhubung isu mengingatkan realiti status diri dalam perhubungan seharian. Penulis skrip cerita, Saudara Saari Abdullah ingin mendorong para pendengar dan pembaca mengaplikasikan nilai-nilai kemanusiaan dengan menggariskan cetusan pemikiran kerohanian terhadap sebarang tindakan manusia agar sentiasa mengenali dan mengingati realiti status diri agar ada batas dalam persahabatan dan perhubungan sesama manusia.

Pemikiran kerohanian seterusnya dalam cerita pilihan 1 'Anak Raja Gondang' menerusi babak 7 menampilkan isu dan peristiwa berkaitan dengan menjaga keaiban keluarga, ketegasan dan keangkuhan.

PUTERI BONGSU

*Benar ayahanda. Putuskan saja pertunangan anakanda dengan anak raja tujuh beradik tu.*

RAJA BESAR

*Sedap sungguh mulut mu berkata begitu Puteri Bongsu. Kalulah diri anakanda berputus tunang betapa aib dan malunya diri ayahanda pada ayahanda anak tujuh beradik. Lebih baik anakanda ambil bunga itu sebelum ayahanda gunakan kekasaran terhadap diri anakanda.*

PUTERI BONGSU

*Anakanda tak nak ambil akan bunga itu. Anakanda toksir lagi menjadi tunang lanang anak raja tujuh beradik itu.*

Transkripsi:

*(Betul ayahanda. Putuskan sahaja pertunangan anakanda dengan anak raja tujuh beradik tu..)*



*(Sungguh bisa kamu berkata-kata Puteri Bongsu. Kalau pertunangan diputuskan maka betapa aib dan malunya ayahanda kepada ayahanda anak tujuh beradik. Lebih baik anakanda ambil bunga sebelum ayahanda berindak kasar)*

*(Anaknada tak mahu ambil bunga itu. Anakanda tak mahu lagi menjadi tunang kepada anak tujuh beradik itu)*

{Saari Abdullah,2005:22}

Teks penceritaan di atas telah dapat menunjukkan dengan jelas pengesanan nilai pemikiran kerohanian dalam cerita '*Anak Raja Gondang*' dalam babak 7 yang menonjolkan isu menjaga keaiban keluarga, ketegasan dan keangkuhan. Pemikiran kerohanian menerusi ujaran dialog antara Puteri Bongsu dengan Raja Besar. Sifat terpuji yang ditunjukkan oleh Puteri Bongsu ialah berterus-terang dan bercakap benar apabila ditanya untuk menjaga aib keluarga, ketegasan dan keangkuhan. Puteri Bongsu ternyata angkuh namun dalam keangkuhannya tidak mengambil bunga adalah bagi menjaga aib keluarga. Pemikiran kerohanian jelas terpancar dalam diri Puteri Bongsu apabila dia dengan jujur mengaku di hadapan ayahanda bahawasanya dia ada mempunyai hubungan dengan orang lelaki lain selain tunangnya dan bersedia tidak menyambut atau menerima bunga.

Maka dapatlah dirungkaikan dalam teks '*Anak Raja Gondang*' halaman 22 dalam babak 7 yang memasukkan pengujaran antara watak Puteri Bongsu dengan Raja Besar berhubung dengan isu menjaga aib keluarga, ketegasan dan keangkuhan berdasarkan prinsip hidup masing-masing. Nilai kemanusiaan dengan menggariskan cetusan pemikiran kerohanian terhadap tindakan manusia agar sentiasa menjaga aib keluarga dalam segala tindakan dan perlakuan menjadi fokus utama penulis menggarap isu ini.

## 5.2 Cerita Pilihan Kedua – *ENENG TAJALI*

Seterusnya, cerita kedua yang terkandung dalam buku '*Anak Raja Gondang dan Lain-lain Cerita Makyung*' iaitu '*Eneng Tajali*' yang mempunyai 5 babak dengan berpaksikan pengaplikasian Teori SPB4K ke atasnya untuk mengesan elemen pemikiran kerohanian juga mendasari kepada pemartabatan nilai-nilai kemanusiaan.

Pemikiran kerohanian seterusnya dalam cerita pilihan 2 '*Eneng Tajali*' menerusi babak 4 menampilkan isu dan peristiwa berkaitan dengan akur serta redha dengan apa yang dijanjikan.

RAJA BONGSU

*An...Kalu begitu apa bolih buat lagi Abang , sudah nasib kita berdua nak tewas kepada diri Abang Raja Sulung Abang.*

RAJA TENGAH

*An...Ya, benar juga Abang.*



RAJA SULUNG

*Kalu gitu diri Adik antaro kedua tak sah lah berkecil hati berpatah kan rasa. Muga sudah terikat janji dah Adik. yang menang itu menjadi pemerintah.*

SEKOYA

*Nak buat guana lagi ku*

ENDUT

*Ha...Nak buat guana lagi, dah kalah gak. kalah lah.*

Transkripsi:

*(An..Kalau begitu apa boleh buat lagi abang, sudah nasib kita berdua tewas kepada Abang Raja Sulung. )*

*(An..Ya, betul uga Abang)*

*(Kalau begitu adik berdua janganlah berkecil hati dan sedih. Sebagaimana yang telah dijanjikan Adik yang menang akan menjadi pemerintah)*

*(Hendak buat macam mana lagi Tuanku )*

*(Hendak buat macam mana lagi, sudah kalah kalah lahh)*

-(Saari Abdullah,2005:65)

Merujuk kepada petikan teks atas, nilai kemanusiaan telah dapat dikesan menerusi pemikiran kerohanian dalam cerita 'Eneng Tajali' di babak 4 yang membahaskan isu akur dan redha dengan apa yang dijanjikan. Perbincangan berfokuskan kepada pemikiran kerohanian menerusi ungkapan dialog antara Raja Sulung, Raja Tengah, Raja Bongsu, Sekoya dan Endut.

Raja Sulung selaku anak yang sulung telah berjaya mengalahkan kedua-dua adindanya dalam usaha merebut takhta pemerintahan. Dalam perjanjian sebelum ini, sesiapa yang menang dalam peraduan tenaga tersebut maka dialah yang layak menaiki takhta. Kita dapat lihat di sini bahawasanya pemikiran Raja Tengah dan Raja Bongsu telah dipengaruhi hasad dengki dan nafsu serakah gilakan kuasa hingga menidakkan abangnya yang sulung kini terpaksa akur dan redha dengan keputusan yang telah memihak kepada abang sulungnya.

Maka dapatlah disimpulkan menerusi teks 'Eneng Tajali' halaman 65 ini di babak 4 yang membicarakan isi kandungan dialog antara Raja Sulung, Raja Tengah, Raja Bongsu, Sekoya dan Endut berkaitan dengan akur dan redha dengan apa yang dijanjikan. Pemikiran kerohaniannya yang terselit daripada peristiwa di atas, redha dan akur dengan keputusan dan janganlah kita menunjukkan sikap tamak kerana suatu hari nanti akan rugi juga akhirnya.



Pemikiran kerohanian seterusnya dalam cerita pilihan 2 'Eneng Tajali' menerusi babak 5 menampilkan isu dan peristiwa berkaitan dengan rasa bertanggungjawab terhadap adik.

#### RAJA TENGAH

*Kalu begitu ya...lah Adik Raja Bongsu, ke mana perginya Adik, letihnya rasa diri Abang dok mencari diri Adik. Puas sudah diri. Aku dok panggil mencari diri Adik. Aku, namun tidak juga diri Aku mendengar suara akan diri. Dia jawab panggilan diri aku. Kalu begitu Aku nak berlari koha koha ke depan sedikit lagi.*

Transkripsi:

*(Kalau begitu ya...lah Adik raja Bongsu. pergi entah ke mana Adik. Letih rasa diri. Abang sedang mencari adik. Berasa puas sudah diri ini mencari. Sahutan panggilan tidak dijawab oleh adik.*

*Ada ketika dia menjawab panggilan diri aku. Jadi kalau begitu aku hendak berlari perlahan-lahan untuk ke hadapan sedikit lagi ..)*

(Saari Abdullah,2005:68)

Berdasarkan teks penceritaan di atas, nilai kemanusiaan dapat dikesan menerusi pemikiran kerohanian dalam cerita 'Eneng Tajali' di babak 5 yang mengetengahkan isu dan peristiwa rasa bertanggungjawab terhadap adik di mana betapa Raja Tengah berusaha mencari dan menjejaki adiknya Raja Bongsu yang tiba-tiba hilang itu. Perbincangan terus berfokuskan kepada pemikiran kerohanian berdasarkan ujaran dialog Raja Tengah yang ternyata melahirkan rasa kasih rohani yang mendalam terhadap adiknya Raja Bongsu. Panggilan demi panggilan tanpa sahutan hingga akhirnya keletihan membawa kepada pergerakan yang letih longlai sambil memikirkan nasib yang menimpa adiknya Raja Bongsu.

Inilah akibatnya apabila jiwa rohani diselubungi rasa hasad dan dengki terhadap adik-beradik sendiri. Berkelannya kedua-dua beradik ini iaitu Raja Tengah dan Raja Bongsu adalah berikutan daripada kekalahan mereka beradu tenaga merebut kuasa takhta daripada abang mereka iaitu Raja Sulung. Dapat kita runkaikan di sini, sungguhpun mereka membesar dalam suasana kasih sayang adik beradik namun apabila timbul isu kekosongan takhta yang ditinggalkan maka nilai kerohanian tolak ansur dan kerasionalan berfikir ditolak ke tepi demi ingin memuaskan nafsu dan rohani tamak dalam diri.

Konklusinya, berdasarkan teks 'Eneng Tajali' halaman 68 dalam babak 5 yang menonjolkan perbualan antara Raja Tengah dengan Raja Bongsu yang tidak tersahut dek kerana salah seorang daripada mereka hilang. Namun nilai kemanusiaan yang ada dalam diri Raja Tengah terus berusaha mencari adiknya Raja Bongsu melambangkan pemikiran kerohanian yang tinggi sungguhpun mereka sama-sama terbuang dek kerana tewas dalam pertarungan dengan Raja Sulung. Pemikiran kerohanian yang dijelmakan oleh penulis cerita ini amat wajar diambil sebagai pedoman dan panduan untuk



renungan bersama berbekalkan akal yang bersifat kognitif mahupun hati atau kalbu yang bersifat *affective* dan *volitional*.

### 5.3 Cerita Pilihan Ketiga – RAJA BESAR HO GADING

Pemikiran kerohanian seterusnya dalam cerita pilihan 3 '*Raja Besar Ho Gading*' menerusi babak 10 menampilkan isu dan peristiwa berkaitan dengan konflik kejiwaan darah daging.

RAJA SULUNG

*Aww ...ya jugok adik bongsu , hok ni gini adik , abe bawa keluar diri adik di padang luas ni adik, bukanlah sebenar-benar diri abe nak bersuka ria dengan adik. Hajat diri abe-abe semua ni nak bunuh adik!*

PUTERI BONGSU (*watak sedih*)

*Amboi abe ...sampai hatinya diri abe niat yang sebelah rupa , apakah kesalahan diri adik pada abe yang abe nak bunuh diri adik ni abe...*

RAJA SULUNG (*watak benci*)

*Sebenarnya diri abe semua ni menaruh benci pada diri adik, kerana adik ni membawa untung nasib badan bertuah . Jatuh pada diri abe semua ni, jatuh pada nasib badan celaka.*

Transkripsi:

*(Begini adik , abang bawa adik keluar ke padang luas ini bukannya hendak bersuka-ria dengan adik. Hajat kami semua hendak membunuh adik)*

*(Sampai hati abang berniat sebegitu rupa, apakah kesahan yang adik telah lakukan hingga abang sanggup hendak membunuh adik ni )*

*(Sebenarnya kami semua manaruh perasaan benci terhadap adik kerana mempunyai untung nasib badan bertuah. Kami semua pula dikatakan bernasib malang dan celaka )*

(Saari Abdullah,2005:115)

Merujuk kepada petikan teks di atas, nilai kemanusiaan telah dapat dikesan menerusi pemikiran kerohanian dalam cerita '*Raja Besar Ho Gading*' di babak 10 yang membincangkan isu dan peristiwa konflik kejiwaan sesama darah daging . Sepertimana yang telah diketahui bahawa Raja Sulung, Raja tengah dan Raja Muda telah merancang untuk membunuh adik bongsunya kerana khuatir akan menaiki takhta setelah kematian ayahanda mereka nanti. Mereka bertiga telah merancang membawa adik bongsu mereka ke padang luas dengan izin oleh Raja Besar ayahanda mereka. Setibanya mereka berempat di Padang Luas , Raja Sulung menerangkan hajat sebenar kekanda-kekandanya membawa bersiar-siar ke Padang Luas bukannya untuk bersuka-suka ria tetapi tujuan utama mereka adalah untuk membunuh adik bongsu. Betapa tipisnya nilai kemanusiaan kerohanian dalam diri kekanda-kekanda adik bongsu. Setelah mendengar





penerangan Raja Sulung maka adik bongsu menangis memohon belas ehsan kekanda agar tidak membunuhnya.

Konklusinya, berdasarkan teks '*Raja Besar Ho Gading*' halaman 115 dalam babak 10 ini yang penuh tragis dengan rintihan kasih sayang seorang adik terhadap abang-abangnya. Adik bongsu amat tidak menyangka betapa busuknya hati abang-abangnya demi sebuah perebutan takhta, tamak kuasa dan menaruh perasaan benci terhadapnya walaupun darah daging sendiri.

#### 5.4 Cerita Pilihan Keempat – **DEWA INDERA INDERA DEWA**

Pemikiran kerohanian seterusnya dalam cerita pilihan 4 '*Dewa Indera Indera Dewa*' menerusi babak 21 menampilkan isu dan peristiwa berkaitan dengan minta izin tanda hormat dan berpesan tanda kasih.

INDERA DEWA

*Kalu begitu hokni begini Abe, diri Adik datang masuk mengadap diri Abe ni gak Abe , bukanlah kata ada kekurangan ke atas diri Adik Abe . Cuma diri Adik mari nak minta izin terdenggan diri Abe kerana mana diri Adik nak keluar mengembara ke dalam negeri orang , Abe*

DEWA INDERA

*An.begitu Adik. Kalu dah begitu hajat diri adik, diri Abe mengizinkan, sikit ketapi diri Abe nok ingatkan diri adik .Kalu berado dale negeri orang janganlah diri adik membawa perangai Ayam Jantan, Adik, maklum saja dalam negeri ore adik.*

INDERA DEWA

*Annn Yoo jugok Abe.*

DEWA INDERA

*Kaluu adik berada dalam negeri orang, janganlah diri adik lupa pada diri Abe , adik.*

Transkripsi:

*(...Kalau begitu macam ini Abang , Adik datang mengadap Abang ini bukannya kerana ada kekurangan pada diri Adik. Cuma adik mari ini hendak meminta izin dengan diri Abang kerana Adik hendak keluar mengembara ke negeri orang, Abang...)*

*( ...Hmm kalau begitu hajat diri Adik , Abang mengizinkan tetapi Abang hendak berpesan kepada Adik. Semasa berada di negeri tempat orang jangan buat perangai macami Ayam Jantan. Kena ambil maklumlah akan negeri orang lain...)*

*(...Ya juga Abang...)*

*(...Kalau Adik berada di negeri orang , janganlah lupa akan diri Abang.*

(Saari Abdullah,2005:174)



Berdasarkan petikan teks di atas, nilai kemanusiaan telah dapat dikenal pasti menerusi pemikiran kerohanian dalam cerita '*Dewa Indera Indera Dewa*' di babak 21 yang menampilkan isu dan peristiwa minta izin tanda hormat dan berpesan tanda kasih. Pemikiran yang berfokuskan kepada kerohanian ini dapat dikenal pasti melalui ungkapan dialog antara sepasang adik-beradik iaitu Dewa Indera dan Indera Dewa. Dialog berunsur kerohanian telah dipertuturkan oleh kedua beradik ini. Indera Dewa sebagai adik jelas menghormati Dewa Indera selaku abang dengan meminta keizinan terlebih dahulu daripada abangnya sebelum mengembara ke negeri orang. Dewa Indera bukan sahaja terharu dengan penghormatan ini malah turut memberikan nasihat kepada adik Indera Dewa agar berhati-hati dan bijak menjaga diri ketika berada di negeri orang dan tidak berperangai seperti ayam jantan. Penulis cerita saudara Saari Abdullah berusaha menonjolkan unsur-unsur kerohanian berkasih sayang dan hormat-menghormati antara adik dan abang sebagai suatu rangsangan kepada para pendengar dan pembaca skrip cerita ini bahawa kasih sayang adik-beradik membawa hingga ke syurga. Perhubungan persaudaraan antara adik-beradik juga kekal abadi bak kata pepatah "Air Dicincang Takkan Putus" dan inilah yang ditunjukkan oleh watak Dewa Indera dengan adiknya Indera Dewa.

Secara tuntasnya dalam teks '*Dewa Indera Indera Dewa*' halaman 174 di babak 21 ini memaparkan elemen pemikiran kerohanian yang terserlah dalam diri Dewa Indera dan Indera Dewa. Perwatakan Indera Dewa digambarkan oleh Saari Abdullah sebagai seorang adik yang begitu menghormati abangnya Dewa Indera. Ketaatan dan hormatnya dapat dilihat apabila Indera Dewa meminta izin daripada abangnya dahulu Dewa Indera sebelum pergi mengembara ke negeri orang. Betapa Dewa Indera juga memainkan peranannya dengan menasihati adiknya agar menjaga diri dan tingkah laku semasa di negeri orang. Sikap bertanggungjawab dan kasih terhadap adik kandungnya jelas mencerminkan sifat sejati seorang abang yang sering menjaga kebajikan adiknya.

## 6.0 Kesimpulan

Berdasarkan kajian ini, pengkaji telah berjaya mengupas serta mengulas elemen pemikiran kerohanian berdasarkan petikan penceritaan daripada watak oleh pencerita dalam karya cerita pilihan Makyung. Segala dapatan kajian adalah berdasarkan analisis kandungan yang mendasari Teori SPB4K sebagai pisau bedah kajian dalam kajian ini. Terdapat unsur-unsur pengajaran dan pendidikan berteraskan pemikiran kerohanian yang terdapat dalam cerita-cerita pilihan Makyung ini. Isu dan peristiwa yang dicetuskan dalam cerita-cerita Makyung ini dikenal pasti dan dianalisis dengan memfokuskan kepada pemikiran kerohanian. Antara dapatan dan perbincangan dalam cerita pilihan pertama '*Anak Raja Gondang*' pada babak 5 halaman 14, isu yang diperbincangkan ialah memohon izin sebelum melakukan sesuatu telah dianalisis menggunakan elemen pemikiran kerohanian menerusi pendekatan Sistem Pemikiran Bersepadu 4K (SPB4K). Dalam cerita pilihan pertama '*Anak Raja Gondang*' pada babak 6 halaman 17 di mana isu dan peristiwa yang cetuskan berkaitan dengan sikap suka berterus-terang dan jujur telah pun juga dianalisis menggunakan elemen pemikiran kerohanian dalam SPB4K. Dapatan lain dalam cerita pilihan pertama ini ialah dalam babak 6 halaman 18 di mana isu dan peristiwa yang diketengahkan ialah berkaitan dengan peristiwa mengingatkan realiti status diri serta dalam cerita pilihan yang sama '*Anak Raja Gondang*' menerusi babak 7 yang berkisar kepada



peristiwa menjaga keaiban keluarga, ketegasan dan keangkuhan dalam halaman 22 telah dianalisis menggunakan elemen pemikiran kerohanian.

Penganalisan seterusnya menerusi cerita pilihan kedua '*Eneng Tajali*' dalam babak 4 berdasarkan cetusan peristiwa akur dan redha dengan apa yang dijanjikan yang terkandung pada halaman 65 juga telah berjaya dianalisis menggunakan elemen pemikiran kerohanian dalam pendekatan SPB4K. Proses analisis kedua bagi cerita pilihan kedua '*Eneng Tajali*' dalam babak 5 bersandarkan kepada peristiwa rasa bertanggungjawab terhadap adik adalah bersumberkan daripada halaman 68 juga dianalisis menggunakan elemen pemikiran kerohanian SPB4K. Manakala dalam cerita pilihan ketiga iaitu '*Raja Besar Ho Gading*' menerusi babak 10 bersumberkan daripada halaman 115 berkaitan dengan konflik kejiwaan darah daging juga telah diselongkar isinya menggunakan pendekatan SPB4K dengan mengkhususkan kepada pemikiran kerohanian. Seterusnya dalam cerita pilihan keempat pula iaitu cerita '*Dewa Indera Indera Dewa*' menerusi babak 21 yang berkisar kepada isu meminta izin tanda hormat dan berpesan tanda kasih adalah bersumberkan daripada halaman 174 juga berjaya dirungkai menggunakan Teori SPB4K.

Berdasarkan perbincangan dan dapatan dalam kajian ini maka jelaslah segala persoalan kajian telah dapat dirungkai dan objektif kajian telah dapat direalisasikan. Isu-isu dan peristiwa yang ditimbulkan dalam kajian ini adalah merupakan persoalan yang telah dijawab dengan menggunakan Teori SPB4K. Dengan kata lain, dalam karya cerita Makyung juga setiap ujaran dan ungkapan mempunyai maksud yang tersurat dan yang tersirat serta memerlukan implementasi jawapan yang bercapah.

## Rujukan

Ani Hj. Omar. (2011). *Apresiasi Teori Kesusasteraan Melayu*. Tanjong Malim: Emeritus Publications.

Ani Hj. Omar. (2011). *Persoalan dan Pemikiran Tamadun Melayu-Cina Dalam Novel Air Mata Bonda Karya Soo Cham dari Perspektif Teori SPB4K. Esei Kesusasteraan Melayu (bahagian dua)*. Tanjong Malim: Emeritus Publications, 279-300.

Ani Hj. Omar. (2011). *Puisi-puisi Muhammad Haji Salleh: Aplikasi Terhadap Teori SPB4K. Esei Kesusasteraan Melayu (bahagian dua)*. Tanjong Malim : Emeritus Publications, 335-346.

A.S Hardy Shafii, Jason Tye Kong-Chiang., & Shanti Balraj Baboo. (2015). *Makyung: Perspectives On Malaysia's Traditional Theatre*: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Habsah Mohd Noodin. (2009). *Estetika Persembahan Makyung*. Kuala Lumpur: Jurnal ASWARA.

Kamus Dewan Edisi Keempat. (2016). Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mahaletchimi A/P Balakrishnan. (2011). *Pemikiran Bersepadu 4K Dalam Prosa Melayu Melayu Tradisional KOMSAS*. Tesis Doktor Falsafah yang tidak diterbitkan: Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Mohd Yusof Hasan. (2000). *Pemikiran Saintifik SPB4L*. Petaling Jaya: Pearson Education Malaysia Sdn.



Bhd.

Mohd Yusof Hasan.(2004).*Pembinaan Paradigma Pemikiran Peradaban Melayu*. Tanjong Malim: Penerbitan UPSI.

Mohd Yusof Hasan. (2007). *Teori Pendidikan Pemikiran Global*. Tanjong Malim: Penerbit UPSI.

Mohd. Yusof Hasan.(2012). *Minda Melayu Global*. Tanjong Malim: Penerbit UPSI.

Saari Abdullah.(2005). *Anak Raja Gondang dan Lain-lain Cerita Makyung*. Kuala Lumpur: Jabatan Kebudayaan dan Keseniaan Negara,Kementerian Kebudayaan,Keseniaan dan Warisan Negara, Malaysia

Siti Emy Nurshafiera.(2013).*Penulisan Kreatif Dapat Menjana Minda dan Pendapatan Masyarakat*. Tesis Ijazah Sarjana Muda.Fakulti Bahasa dan Komunikasi: Universiti Pendidikan Sultan Idris.

